

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)  
PEJABAT PENGURUS WILAYAH III, MADA, PENDANG

SEBUTHARGA NO. LKPM 3003/2012

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga daripada Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan kelas dan taraf tersebut di bawah dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan diterima di Pejabat Pengurus Wilayah III, MADA, Pendang, Kedah Darul Aman sehingga jam **12.00 TENGAHARI** pada **13 MEI 2012 (AHAD)** untuk:-


Sebutharga No. : **SEBUTHARGA NO. LKPM 3003/2012**  
Tajuk Sebutharga : **Menyenggara Ban Kanan CCRBD 9(L),  
Lokaliti D-III, Titi Haji Idris, Wilayah III, MADA.**  
Kelas Kontraktor : **Kelas F, Kepala 1, Sub-Kepala 7(a) dan 7(b)**  
Status Sebutharga : **Untuk Kontraktor Bumiputera sahaja**  
Harga Borang : **RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) - satu set**

2. Semua butir dan dokumen tawaran boleh didapati di **PEJABAT PENGURUS WILAYAH III, MADA, PENDANG, KEDAH DARUL AMAN.**
3. Sebutharga mestilah dikemukakan dalam Borang Sebutharga yang boleh didapati di **PEJABAT PENGURUS WILAYAH III, MADA, PENDANG, KEDAH DARUL AMAN.** Kontraktor yang ingin membeli dokumen tawaran dikehendaki mengemukakan Sijil pendaftaran Asal PKK dan CIDB untuk pemeriksaan dan satu salinan fotostat hendaklah diserahkan kepada pihak MADA untuk rekod. Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada "Pegawai Syarikat yang ditauliahkan" seperti ditunjukkan di dalam Sijil Pendaftaran PKK atau wakilnya yang membawa Surat Wakil Kuasa. Sebutharga mestilah dimasukkan di dalam **SAMPUL SURAT BERMETERI** dengan menulis No. Sebutharga tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di **PEJABAT PENGURUS WILAYAH III, MADA, PENDANG, KEDAH DARUL AMAN,** sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebutharga ini.
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.
6. Lawatan ke tapak adalah diwajibkan.
7. Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk memasuki tawaran sebutharga ini dikehendaki berkumpul di **PEJABAT PENGURUS WILAYAH III, MADA, PENDANG, KEDAH DARUL AMAN** pada waktu dan tarikh yang ditetapkan seperti di bawah.

<u>Hari</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Jam</u>
Rabu	2 Mei 2012	10.00 Pagi

8. Kontraktor dikehendaki mengisi borang yang akan diedarkan selepas sesi taklimat. **Hanya satu (1) borang** akan diberi kepada setiap kontraktor ("Pegawai Syarikat yang ditauliahkan" seperti ditunjukkan di dalam Sijil Pendaftaran PKK atau wakilnya yang membawa Surat Wakil Kuasa) dan hanya hendaklah diisi dan perlu diserahkan kepada pegawai taklimat. Sila bawa bersama salinan sijil pendaftaranan PKK dan CIDB semasa taklimat.

Tarikh : 23 April 2012

  
Pendatangan Pegawai  
Nama: **HAJAH HASNAH BT. ISMAIL**  
Jawatan: **JURUTERA PEMBANGUNAN**  
Pejabat Wilayah III  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)  
06700 Pendang, Kedah Darul Aman